



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

**KAWALAN DAN PENCEGAHAN:
SITUASI KES RABIES DALAM KALANGAN MANUSIA DI SARAWAK**

Sarawak, 28 Oktober 2025 - Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak memaklumkan bahawa terdapat satu (1) kes baharu rabies dalam kalangan manusia telah dilaporkan di Sarawak. Pesakit telah meninggal dunia di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Bahagian Kuching. JKN Sarawak merakamkan ucapan takziah kepada keluarga arwah. Pertambahan baharu ini, menjadikan pesakit meninggal membabitkan kes rabies dalam kalangan manusia di Sarawak meningkat kepada enam (6) orang pada tahun 2025, iaitu jumlah kes yang sama bagi tempoh yang sama pada tahun 2024.

Perincian kes :

Pesakit terbaharu melibatkan seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 51 tahun. Pada 08 Oktober 2025, pesakit mula mengalami gejala demam dan kebas tangan. Beliau direkod mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di klinik swasta pada 09 Oktober 2025. Pada 11 Oktober 2025, pesakit mula mengalami sakit otot, sakit sendi serta sakit tekak. Pada 18 Oktober 2025, pesakit dibawa ke hospital swasta setelah keadaan semakin lemah dan kurang minum air, menyebabkan beliau telah dimasukkan ke wad. Pesakit telah disahkan positif rabies melalui ujian makmal.

Siasatan mendapati kes tiada sejarah gigitan atau cakaran haiwan, namun kes pernah mengendalikan bangkai anjing peliharaan sendiri pada bulan Jun 2025. Pesakit memelihara tujuh (7) ekor anjing, tetapi tidak ada seekor pun diberikan vaksinasi anti-rabies, selain dibiarkan berkeliaran bebas. Beberapa ekor anjing terbabit dilaporkan mati atau hilang tanpa diketahui punca.

Statistik gigitan haiwan:

Sejak 1 Januari sehingga 18 Oktober 2025, sebanyak 16,765 kes gigitan haiwan dilaporkan di seluruh Sarawak dengan purata 399 kes seminggu. Ini melibatkan:

- a. 10,322 kes (61.6%) gigitan/cakaran kucing;
- b. 6,238 kes (37.2%) gigitan anjing; dan
- c. 205 kes (1.2%) gigitan haiwan lain.

Daripada jumlah ini, 67.5% kes melibatkan haiwan peliharaan, menunjukkan risiko jangkitan datang dari rumah sendiri, dan bukan sepenuhnya daripada haiwan terbiar.

Pesanan tegas kepada orang ramai:

Daripada enam (6) pesakit kes rabies dalam kalangan manusia yang dilaporkan tahun ini, empat (4) mangsa tidak mendapatkan rawatan selepas digigit atau dicakar. Tindakan sebegini amat berisiko dan boleh membawa maut.

Rabies adalah **penyakit yang hampir 100% membawa kematian** apabila gejala muncul, tetapi penyakit ini juga 100% boleh dicegah dengan rawatan awal. Justeru, orang awam diingatkan dengan tegas:

- i. Jangan ambil mudah gigitan atau cakaran daripada anjing dan kucing termasuk haiwan peliharaan sendiri;
- ii. Segera cuci luka dengan air dan sabun sekurang-kurangnya 15 minit, dan terus ke klinik atau hospital terdekat untuk mendapatkan rawatan *Post-Exposure Prophylaxis* (PEP);
- iii. Jangan kendalikan bangkai haiwan sendiri, sama ada haiwan peliharaan atau terbiar. Hubungi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk urusan pelupusan yang selamat. Rabies boleh menjangkiti manusia melalui air liur atau cecair badan haiwan yang telah mati;
- iv. Berikan vaksinasi anti-rabies kepada haiwan peliharaan anda setiap tahun tanpa gagal. Kegagalan berbuat demikian bukan sahaja membahayakan haiwan, tetapi juga nyawa keluarga anda sendiri; dan
- v. Jangan biarkan anjing dan kucing berkeliaran secara bebas. Haiwan yang dibiarkan tanpa kawalan boleh menjadi mangsa jangkitan dan agen penularan rabies kepada komuniti sekeliling.

JKN Sarawak menyeru rakyat Sarawak untuk memainkan peranan bersama dalam usaha menamatkan rabies. Tindakan mudah seperti memberi vaksin, melapor haiwan mencurigakan, dan tidak mengurus bangkai sendiri mampu menyelamatkan nyawa.

RABIES MEMBUNUH. Tetapi Anda Boleh Menghentikannya.

Lindungi diri, keluarga dan komuniti – mulai dengan haiwan peliharaan anda hari ini.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

